

SULIT  
3766/1  
PERNIAGAAN  
Kertas 1  
Ogos 2019  
1 ¼ jam

3766/1



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2019

PERNIAGAAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
- 2 *Jawab semua soalan.*
- 3 *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
- 4 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

1 Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan kepentingan keuntungan kepada sebuah perniagaan?

- I Menjual pelbagai jenis produk dan keluaran kepada pengguna
- II Menambah bilangan pekerja dalam saiz perniagaan yang sama
- III Menarik organisasi tertentu untuk membuat pelaburan bersama
- IV Menjalankan tanggungjawab sosial korporat di kawasan setempat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Apakah kelebihan perniagaan perkongsian berbanding milikan tunggal?

- A Mudah ditubuhkan
- B Bergabung kepakaran
- C Menanggung liabiliti terhad
- D Bebas mengurus perniagaan

3 Situasi berikut berkaitan dengan bentuk perniagaan lain.

Encik Nelson telah menggunakan sejumlah wang persaraannya untuk mendapatkan lesen perniagaan francais daripada perniagaan Kenny Rogers Roasters.

Apakah kelebihan perniagaan tersebut kepada Encik Nelson?

- A Menikmati ekonomi bidangan
- B Mengembangkan perniagaan secara global
- C Mekanisme untuk menembusi pasaran baharu
- D Menggunakan jenama yang telah dikenali ramai

4 Situasi yang manakah menunjukkan cabaran perniagaan bersaiz sederhana?

- A Persaingan mendapatkan tenaga kerja
- B Pematuhan undang-undang fleksibel
- C Peningkatan dalam kos pengeluaran
- D Pengkhususan kerja yang terhad

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Perniagaan X	Perniagaan Y
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran dalam urusan guaman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Barang berasaskan getah</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai 85 orang pekerja tetap</li> </ul>	

Klasifikasi perniagaan manakah yang tepat bagi perniagaan X dan Y?

	Perniagaan X		Perniagaan Y	
	Saiz	Sektor	Saiz	Sektor
A	Sederhana	Pembuatan	Sederhana	Pertanian
B	Sederhana	Pembuatan	Besar	Pertanian
C	Besar	Perkhidmatan	Sederhana	Pembuatan
D	Besar	Perkhidmatan	Besar	Pembuatan

- 6 Gambar 1 menunjukkan produk eksport yang mendapat pelepasan cukai kerajaan.



Gambar 1

Apakah jenis pelepasan cukai tersebut?

- A Potongan cukai  
 B Pengecualian cukai  
 C Elaun cukai pelaburan  
 D Elaun pelaburan semula
- 7 Apakah faktor luaran yang mempengaruhi trend meningkat bagi sesebuah perniagaan?
- A Menawarkan produktiviti yang lebih baik  
 B Mempunyai pengurusan yang sistematik  
 C Mendapatkan keyakinan pelabur asing  
 D Memiliki pekerja yang bermotivasi

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan analisis faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.

Dr. Eliesmaziah merupakan seorang rakyat Malaysia yang telah berjaya membuka perniagaan tudung di United Kingdom. Beliau telah mendapat kepercayaan daripada kontinjen polis di United Kingdom untuk mereka bentuk tudung bagi pegawai polis wanita kerana mempunyai rekaan tudung yang mudah digunakan dan menggunakan fabrik yang sesuai dengan cuaca di sana.

*Sumber:*

- Apakah kaedah SWOT yang digunakan oleh beliau?
- A Kelemahan – Peluang (WO)
  - B Kekuatan – Peluang (SO)
  - C Kekuatan – Ancaman (ST)
  - D Kelemahan – Ancaman (WT)
- 9 Maklumat berikut merupakan kesan penubuhan persekitaran organisasi perniagaan.

SUSULAN LANUN DIGITAL

## Karya sastera turut jadi mangsa cetak rompak

Novel, kumpulan puisi dimuat naik, turun secara haram di laman web, aplikasi

*Sumber: Berita Harian. 16 Januari 2017*

- Apakah yang perlu dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi situasi tersebut?
- A Melindungi peniaga daripada ditipu
  - B Mewujudkan perniagaan secara adil
  - C Memastikan peniaga tiada persaingan
  - D Melindungi hak semua pihak
- 10 Apakah yang dimaksudkan dengan misi?
- A Pernyataan berkaitan hala tuju perniagaan
  - B Pernyataan berkaitan wawasan perniagaan
  - C Pernyataan berkaitan tujuan utama perniagaan
  - D Pernyataan berkaitan sasaran khusus perniagaan




- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri objektif sesebuah perniagaan.

Perniagaan Perabot G2 Enterprise menyediakan jadual kerja untuk menyiapkan perabot mengikut tempahan pelanggan.

Apakah ciri objektif yang terlibat?

- A Spesifik
  - B Munasabah
  - C Jangka masa
  - D Boleh dicapai
- 12 Bagaimanakah carta organisasi berfungsi dalam menyampaikan visi sebuah syarikat?
- I Mendorong semua pihak untuk mencapai matlamat
  - II Melaksanakan matlamat perniagaan secara spesifik
  - III Menyampaikan maklum balas dari pekerja kepada pihak atasan
  - IV Menyebarkan hala tuju perniagaan kepada pekerja melalui pengurus
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 13 Carta 1 menunjukkan syer pasaran berkaitan dengan produk kesihatan.



Carta 1

Pernyataan manakah yang tepat menerangkan rajah tersebut?


- I Keuntungan yang diperolehi D'Herba adalah 50%
- II Promosi D'Herba lebih berkesan berbanding Ku Suci
- III Aktiviti pemasaran Aura Pearl dipengaruhi oleh D'Herba
- IV Aura Pearl berpotensi memperoleh keuntungan tinggi dalam pasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Apakah aspek yang ditunjukkan dalam carta organisasi sebuah syarikat?

- A Deskripsi tugas
- B Pembahagian kerja
- C Matlamat setiap jabatan
- D Standard prosedur operasi

15 Rajah 1 berkaitan dengan saluran agihan dalam bahagian fungsian pengagihan.



Rajah 1

Produk manakah yang sesuai menggunakan saluran agihan tersebut?

- A Telefon bimbit
- B Pakaian berjenama
- C Majalah ilmiah
- D Ikan segar


16 Pernyataan berikut berkaitan strategi pembangunan pasaran baharu.

- Menjalankan promosi yang agresif di pasaran tumpuan
- Menyertai rundingan aktif melalui hubungan dua hala
- Menyertai aktiviti anjuran MATRADE

Mengapakah aktiviti tersebut dilaksanakan?

- A Untuk meneroka pasaran domestik
- B Untuk menembusi pasaran antarabangsa
- C Untuk membangunkan strategi pemasaran setempat
- D Untuk menguji konsep baharu produk dengan pengguna

- 17 Rajah 2 berkaitan dengan hubungan dan interaksi antara bahagian fungsian.



Rajah 2

- Pernyataan manakah yang menggambarkan situasi tersebut?
- A Perniagaan kecil membayar hutang kepada perniagaan besar mengikut tahap keuntungan
- B Perniagaan besar memastikan setiap bayaran dibuat kepada perniagaan kecil mengikut perjanjian
- C Perniagaan kecil menyediakan sumber kewangan mencukupi sebelum mendapatkan bekalan
- D Perniagaan besar menuntut pembayaran secara tunai daripada perniagaan kecil
- 18 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan kepentingan pengurusan sumber manusia?
- A Membentuk persekitaran kerja positif
- B Pemantapan budaya kerja professional
- C Menggalakkan kreativiti dan inovasi
- D Pengagihan pekerja secara berkesan
- 19 Gambar 2 menunjukkan peranan pengurusan sumber manusia dalam sebuah perniagaan.



Gambar 2

SULIT

Apakah kesan yang berlaku sekiranya amalan ini tidak diamalkan oleh pekerja dalam perniagaan tersebut?

- A Mewujudkan budaya yang tidak beretika
- B Perniagaan gagal mencapai sasaran
- C Mengurangkan kreativiti pekerja
- D Peningkatan kepada pemberhentian pekerja

- 20 Gambar 3 merupakan hubungkait antara kemahiran keboleherjaan dengan kejayaan sebuah perniagaan.

**JAWATAN KOSONG**  
**PEMBANTU WARDEN**  
 MADRASAH TAHFIZ AL-JAUHAR  
 KAMPUNG LUKUT, 81200 KOTA TINGGI, JOHOR

CIRI-CIRI YANG DIPERLUKAN

- 1 BERDISIPLIN TINGGI
- 2 MENEPATI MASA
- 3 KOMITED
- 4 BOLEH MENERIMA TEGURAN
- 5 RASIONAL & SABAR
- 6 KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA LELAKI BUJANG

**CALL NOW**  
 07-880 1413  
 010-730 3132

"FAEDAH-FAEDAH YANG DITAWARKAN"

- GAJI ASAS RML100 ✓
- ELAUN KHAS ✓
- CUTI TAHUN ✓
- MAKAN MINUM & TEMPAT TINGGAL DISEDIAKAN ✓

Gambar 3

Apakah jenis keboleherjaan yang diperlukan oleh pekerja?

- A Kelayakan yang bersesuaian
- B Berpengalaman dalam industri
- C Keberkesanan mencapai sasaran
- D Berpengetahuan tentang perkhidmatan



- 21 Pernyataan berikut merupakan faktor penentuan sistem penggajian.

Encik Rusman merupakan seorang penyelia kilang SM Maju Sdn. Bhd. yang bertugas di cawangan Rembau. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Operasi kilang bagi cawangan Seremban dengan kenaikan gaji daripada RM2 700 kepada RM3 000.

Apakah faktor yang telah menyebabkan perubahan gaji tersebut?


- I Peraturan kerajaan
  - II Permintaan buruh
  - III Lokasi pekerjaan
  - IV Jenis tugas
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 22 Manakah antara berikut merupakan sumber fizikal?
- A Harta intelek
  - B Lesen perisian
  - C Peralatan teknologi
  - D Kemahiran buruh
- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan prosedur mengurus sumber teknologi.

Encik Kamal merupakan pengeluar kenderaan berkeperluan khas untuk kegunaan Orang Kelainan Upaya (OKU). Bagi menjamin kenderaan keluarannya tidak ditiru, beliau telah mendaftar di MyIPO.

Apakah prosedur tersebut?

- A Pengurusan Paten
- B Pengurusan Hak Cipta
- C Pengurusan Penyelenggaraan
- D Pengurusan Insurans

- 24 Rajah 3 berkaitan aplikasi pengurusan sumber fizikal di sebuah kilang.



Rajah 3

Antara yang berikut, yang manakah kesan terhadap pengurusan sumber fizikal dalam rajah tersebut?

- I Meningkatkan kecekapan pengurusan
  - II Meningkatkan penawaran pekerjaan
  - III Meningkatkan permintaan pelanggan
  - IV Meningkatkan produktiviti barang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan butiran kewangan Puan Ayu untuk memulakan perniagaan pengeluaran daging burger.

- Papan tanda bernilai RM500
- Mesin pengisar bernilai RM3 000
- Bahan mentah bernilai RM2 000
- Sumbangan peribadi bernilai RM1 500
- Permit pekerja asing sebanyak RM1 500

Hitung jumlah modal yang terlibat untuk memulakan perniagaan tersebut.

- A RM3 500
- B RM4 500
- C RM5 500
- D RM6 500

- 26 Syarikat Pembersihan Sinar Suria ingin menggunakan lima jentera pemotong rumput dalam tempoh setahun tetapi tidak mahu menanggung kos penyelenggaraan mesin tersebut.

Apakah sumber pembiayaan yang sesuai?

- A Pajak
  - B Ar-Rahnu
  - C Pemfaktoran
  - D Pinjaman bank
- 27 Maklumat berikut berkenaan dengan keperluan pembiayaan sebuah perniagaan.

Encik Subramaniam adalah seorang pengusaha restoran yang berjaya di Melaka dan bercadang untuk membuka cawangan baharunya di Negeri Sembilan. Beliau gagal untuk mendapatkan pinjaman sebanyak RM350 000 bagi tujuan tersebut daripada institusi kewangan kerana tiada cagaran. Namun, apabila dibantu oleh agensi kerajaan, beliau telah berjaya mendapatkan semula pinjaman

Agensi kerajaan manakah yang membantu Encik Subramaniam?

- A Agro Bank
  - B Majlis Amanah Rakyat
  - C Tabung Ekonomi Kumpulan Urus Niaga
  - D Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- 28 Apakah kelebihan sumber pembiayaan secara sewa beli kepada pembeli?
- A Tempoh bayaran balik yang panjang
  - B Jumlah bayaran keseluruhan yang lebih rendah
  - C Kos penyelenggaraan ditanggung oleh pembiaya
  - D Harta menjadi hak milik selepas pendahuluan dibayar
- 29 Pihak manakah yang menggunakan penyata kewangan bagi mengetahui kemampuan peniaga menyelesaikan tuntutan kredit?

- I Pemilik
- II Pembiaya
- III Pembekal
- IV Pelabur

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran produk P yang dikeluarkan oleh Mimi Enterprise.

Harga Jualan	RM 80
Titik Pulang Modal	10 000 unit
Kos Tetap	RM 200 000
Unit Pengeluaran	40 000 unit

Berapakah kos berubah seunit bagi produk P?

- A RM5
  - B RM20
  - C RM60
  - D RM70
- 31 Maklumat berikut adalah nisbah semasa bagi sebuah perniagaan.

Nisbah semasa = 14:1

Apakah maksud bagi nisbah tersebut?

- A Perniagaan menjana keuntungan RM14 atas setiap RM1 aset semasa
  - B Perniagaan mempunyai RM14 bagi mengurangkan RM1 liabiliti semasa
  - C Perniagaan memperolehi RM1 atas setiap RM14 modal yang dilaburkan
  - D Perniagaan menggunakan RM1 bagi mendapatkan RM14 aset semasa
- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan kekuatan diri usahawan.

X

Menetapkan visi dan misi perniagaan serta mengutamakan perkara yang menjayakan perniagaan.

Apakah yang mewakili X?

- A Menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu
  - B Kemahiran pembangunan karakter diri
  - C Keupayaan membina jenama
  - D Fokus tenaga dan tumpuan
- 33 Antara faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan ialah
- A pemasaran
  - B pengalaman
  - C persaingan
  - D Pentadbiran



- 34 Antara yang berikut, yang manakah faedah perniagaan kepada matlamat peribadi seorang usahawan?
- I Merekrut tenaga kerja yang berpengalaman
  - II Membentuk personaliti keusahawan yang unggul
  - III Mendapat kebebasan mengurus kehidupan seharian
  - IV Memenuhi keperluan pengguna dengan produk berkualiti
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 35 Gambar 4 berkaitan penubuhan sebuah entiti perniagaan melalui satu akta di Malaysia.



Gambar 4

- I Tiada had maksimum bagi anggota perniagaan
  - II Ahli perlu menanggung liabiliti tidak terhad
  - III Perlu berkongsi keuntungan mengikut perjanjian
  - IV Boleh menawarkan saham di Bursa Malaysia
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
- 36 Gambar 5 menunjukkan tanggungjawab yang telah dipatuhi oleh usahawan setelah mendaftarkan perniagaan.



Gambar 5

- Apakah tanggungjawab tersebut?
- A Mempamerkan lesen perniagaan
  - B Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran
  - C Mempamerkan papan tanda perniagaan
  - D Mempamerkan nombor pendaftaran perniagaan
- 37 Mengapakah lebih terjadi dalam penyata aliran tunai?
- A Lebih belian daripada penerimaan
  - B Lebih perbelanjaan daripada jualan
  - C Lebih pembayaran daripada penerimaan
  - D Lebih penerimaan daripada pembayaran
- 38 Gambar 6 berkaitan dengan kaedah yang digunakan dalam pemasaran dan jualan.



Gambar 6

- Apakah tujuan penggunaan kaedah tersebut?
- A Menetapkan ciri barang
  - B Memperkenalkan barang
  - C Menetapkan nilai barang
  - D Menyalurkan barang

*Soalan 39 dan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.*

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 39 I Rancangan perniagaan juga dikenali sebagai pelan induk perniagaan.  
II Ringkasan eksekutif terletak di bahagian akhir dalam susun atur format rancangan perniagaan.
- 40 I Pengangguran struktur menyebabkan pekerja sedia ada kehilangan pekerjaan dan tiada pengambilan pekerja baharu.  
II Kerajaan membuat perancangan mengikut trend perubahan ekonomi bagi mengatasi pengangguran struktur.

**KERTAS SOALAN TAMAT**